



MEDLEY RELAY UiTM PECAH REKOD

WOODBALL'S
Gold Hunt

BANGSA
Bukan Ukuran

NISHA
Hadiahkan UNITAR Emas

DUA EMAS
Untuk UPM

MENEMBAK
UPM Bolot Acara

URIEL & MATHIVANI
Pertahankan Emas

KERJASAMA



 Sukan Institusi Pengajian Tinggi

 @sukanipt2014

<http://sukipt.com.my>



UiTM PECAH REKOD MEDLEY RELAY

Wartawan : Yasmin Fairuz, Shafiqah Shamsul & Wan Syafikah
Foto : Meor Sharifuddin bin Meor Shukri

Universiti Teknologi MARA (UiTM) berjaya mencipta rekod baru dalam acara renang kategori 4x100 m Medley Relay lelaki dan wanita sekaligus meraih pingat emas buat UiTM, di Pusat Akuatik Darul Ehsan, Shah Alam. Pasukan UiTM wanita berjaya membuat catatan masa 5.11 saat (rekod lama: 5.28 saat) manakala pasukan lelaki berjaya mencatat rekod masa 4.03 saat (rekod lama: 4.28 saat).

"Kami mensasarkan pingat emas dalam acara yang dipertandingkan, oleh itu kami telah berusaha sepenuhnya untuk mencapai impian tersebut," kata Nur Aquilah Hani selaku perenang pertama dalam acara medley relay wanita.

Selain itu, seorang atlet muda, Liong Jee Xerc (tengah), 18, dari Kolej Tunku Abdul Rahman telah berjaya mencipta rekod baru dengan catatan masa 2.21 saat (rekod lama: 2.30 saat) dalam acara 200 m gaya kupu-kupu dan mendapat satu lagi pingat emas dalam acara 800 m gaya bebas.

1500 m Freestyle (W)

Emas : Khoo Cai Lin (Taylor's University)
Perak : Irene Chong See Win (UM)
Gangsa : Joyce Goh Ming Zi (Methodist College Kuala Lumpur)

800 m Freestyle (L)

Emas : Liong Jee Xerc (TARC)
Perak : Victoria Kung Chai Wai (UNIMAS)
Gangsa : NurAdli Safwan Bin Sarman (UiTM)

200 m Butterfly (W)

Emas : Kathriana Mella Gustianjani (UiTM)
Perak : Chui Lai Kwan (UPM)
Gangsa : Joyce Goh Ming Zi (Methodist College Kuala Lumpur)

200 m Butterfly (L)

Emas : Liong Jee Xerc (TARC)
Perak : Ian Leondy Bell (USM)
Gangsa : Nur Adli Safwan Bin Sarman (UiTM)



URIEL DAN MATHIVANI PERTAHANKAN EMAS

Wartawan : Ahmad Muzakir Mohd Zuki
Foto : Zulfikhy Rahman & Zharfan Azizan

Atlet Universiti Putra Malaysia (UPM) beraksi cemerlang sekaligus mempertahankan emas selepas berjaya menggondol pingat emas di dalam sukan karate-do acara kumite bagi kategori individu lelaki 50 kg dan individu wanita 61 kg di Dewan Sri Budiman, UiTM Shah Alam. Bagi kategori individu wanita 61 kg dimenangi oleh Mathivani Murugeesan manakala kategori individu 67 kg dimenangi oleh Uriel Yu En.

Selain itu, bagi kategori individu lelaki 67 kg, pingat perak dimenangi oleh Gwee Chun Xian dari Asia Pacific University College of Technology & Innovation dan pingat gangsa dikongsi oleh atlet Universiti Tun Hussien Onn (UTHM), Surain A/L Sinnasamy dan atlet Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia (MSMM), Barath A/L Paramasivan.

Manakala bagi kategori individu wanita 61 kg, pingat perak menjadi milik Salina Mazlan dari Kolej Poly-Tech Mara Kuantan dan pingat gangsa dikongsi oleh atlet Universiti Teknologi MARA (UiTM), Tanti Taurina Tousun dan atlet Universiti Malaya (UM), Syarulniza Abdul Jamil.

Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menggondol 2 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa bagi acara kumite.

Liong Jee Xerc (tengah), atlet muda dari TARC



100 m Backstroke (P) (W)

Emas : Caroline Chan (Sunway University)
Perak : Kimberly Chan (Sunway University)
Gangsa : Khoo Cai Lin (Taylor's University)

50 m Freestyle (W)

Emas : Chui Lai Kwan (UPM)
Perak : Khoo Cai Lin (Taylor's University)
Gangsa : Leung Chii Lin (UM)

50 m Freestyle (L)

Emas : Chan Yang (INTI International College Subang)
Perak : Muhammad Akmal Bin Kamarollzaman (UiTM)
Gangsa : Alexis Wijaya Ohmar (UiTM)

4x100 m Medley Relay (W)

Emas : Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Perak : Sunway University
Gangsa : Universiti Malaya (UM)

4x100 m Medley Relay (L)

Emas : Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Perak : Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TARC)
Gangsa : Universiti Sains Malaysia (USM)



DUA EMAS UNTUK UPM

Wartawan : Aainaa Nazirah Anuar & Ainie Hananie Taufik
Foto : Amirul Azman

Universiti Putra Malaysia (UPM) menambah dua lagi pingat emas dan satu gangsa menerusi acara lawan pedang Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Husnul Ariq Bakri yang memperolehi pingat emas bagi kategori Individu Lelaki Sabre mengalahkan atlet dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Muhammad Rahmat Mohd Nor dengan keputusan 15-5.

"Perasaan saya sememangnya gembira kerana pasukan UPM menaruh harapan tinggi kepada saya. Saya berasa lega dengan kemenangan ini," kata Husnul Ariq bekas atlet kebangsaan yang kembali beraksi untuk SUKIPT edisi kali ini.

Sementara itu, bagi kategori Individu Wanita Foil, pingat emas dimenangi oleh Natasha Ezza Abu Bakar dari UPM dan pingat perak menjadi milik Anis Syaquireen Jamarudin dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Pingat gangsa pula menjadi milik Ivy Cheah Hsio Yong dari UPM.



UPM BOLOT ACARA MENEMBAK

Wartawan : Nursyafiqah Abdul Samat
Foto : Adam Ghazali

Lapang Sasar Menembak Kebangsaan Subang sekali lagi menjadi saksi Universiti Putra Malaysia (UPM) menambah pungutan pingat pada hari ketiga bagi acara menembak Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014.

Johnathan Wong Guanjie, Liew Tack Fai dan Jasmi Mohammad Zin mencipta sejarah apabila UPM menggondol pingat emas, perak dan gangsa dalam kategori 10 m Air Rifle individu lelaki.

Johnathan yang juga penembak kebangsaan berjaya memecah rekod edisi lalu dengan mata 195.4 manakala dua rakannya masing-masing mengumpul mata sebanyak 182.2 dan 165.4.



"Saya gembira dengan kejayaan ini dan wujud semangat berpasukan semasa bermain tadi kerana kami dari universiti yang sama walaupun bukan dalam kategori berkumpulan," kata Johnathan.

Sementara itu, bagi kategori 10 m Air Rifle berpasukan lelaki, pingat emas sekali lagi dibolot oleh UPM dengan pungutan mata sebanyak 1674 sekaligus memecah rekod SUKIPT edisi lalu.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) hanya memenangi pingat perak dengan pungutan mata 1629 manakala pingat gangsa menjadi milik tuan rumah, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan pungutan mata 1568.



Dari kiri: Pasukan UniSZA, Pasukan UPM, Pasukan UiTM

JAWATANKUASA

PENGERUSI

Ishanuddin bin Hussin

PENYELARAS

Zaidi bin Shariff

EDITOR

Nor Azlina binti Mohd Zubaidi
Suraya binti Ismail@Shaari

GRAFIK

Faizal bin Ayob
Shahirah Hafifah binti Sangaji
Lily Haryanti binti Az Muzni

JURUFOTO

Meor Sharifuddin bin Meor Shukri
Khairulnizam bin Md Hairuddin
Enamul Shah bin Abdul Halim
Mohd. Fauzan bin Md. Sardi
Noor Kasmara bin Mohd Sokarnor
Mohamad Amirul bin Mohd Adnan (UiTM)
Pelajar Kolej Komuniti Paya Besar
Pelajar Kolej Komuniti Jasir







WOODBALL'S GOLD HUNT

By : Fatin Ainur Ramlee & Nurfaizah Abdul Rahman
Photo : HakiemieNaam

Oh MY English!

On the third day of woodball event, Universiti Teknologi MARA (UiTM) sweeps gold for men's double competition and silver in women's category, 137 strokes. With 116 strokes, Muhammad Shauqi and Ahmad Saufi defeated Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), 124 strokes and Universiti Malaysia Terengganu (UMT), 137 strokes.

While Universiti Sains Malaysia (USM), 134 strokes and UniMAP finished respectively in gold and bronze positions with the difference of 5 strokes. Once again, UniMAP dominates gold medal in mixed double event with 130 strokes. Silver went to Polytechnic Pahang with 132 totals and USM set 138 strokes for bronze medal. There will be two gold medals offered for the final single men's and women's competition.



BANGSA BUKAN UKURAN

Wartawan : Maznira Razak & Amira Sikun
Foto : Suzairi Hafizi



Acara pencak silat hari ini menyaksikan penyertaan dari pelbagai bangsa. Antaranya Lok Yong Kang, 21, atlet dari Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak.

"Pada mulanya, ketika saya dalam semester dua, saya dipilih oleh pensyarah untuk menyertai silat bagi aktiviti kokurikulum dan sejak itu saya berminat untuk terus belajar dengan lebih mendalam."

"Bagi saya, seni mempertahankan diri ini boleh dipelajari oleh semua bangsa kerana silat tidak mengkhususkan pada satu bangsa sahaja iaitu Melayu. Tambahan pula, silat ini tidak rugi untuk diamalkan sebagai pelindung," kata Yong Kang.

Walaupun tewas pada acara pencak silat Sukan Institusi Pengajian Tinggi(SUKIPT) 2014, Yong Kang mendapat pengalaman baru dan akan lebih berusaha untuk kejohanan-kejohanan lain. Menurutnya lagi, kekurangan pengalaman dan lawan yang hebat antara faktor dia tidak dapat ke pusingan seterusnya.



NISHA HADIAHKAN UNITAR EMAS

Wartawan : Nurul Husna
Foto : Zulfikhy Rahman & Zharfan Azizan

Atlet karate-do dari UNITAR International University, Nisha A/P Alagasan mengungguli hari pertama kejohanan karate-do temasya Sukan Institut Pengajian Tinggi(SUKIPT) 2014 apabila meraih emas menerusi kategori Kumite Individu Wanita 55 kg yang berlangsung di Dewan Seri Budiman UiTM Shah Alam.

Lebih menarik lagi Nisha yang juga merupakan atlet kebangsaan turut mendominasi gelanggang karate-do dengan menghadiahkan emas pertama buat universiti tersebut daripada tiga emas yang dipertandingkan menerusi acara individu wanita.



Di samping itu, pingat perak jatuh kepada Nur Safiah Ghazali dari Kolej Poly-Tech Mara Kuantan manakala atlet dari Universiti Putra Malaysia(UPM), Yokonanthini Murugeesan dan Sakinah Mazlan, atlet dari Universiti Malaysia Pahang(UMP) memperolehi pingat gangsa. Selain itu, atlet dari Kuala Lumpur Metropolitan University College, Nur Eleena Anis Ab Malek berjaya mempertahankan kejuaraannya apabila muncul juara bagi kategori Kumite Individu Wanita 50 kg. Atlet kebangsaan ini juga berkata dia bertanding secara profesional menentang atlet dari Universiti Putra Malaysia(UPM), Maalani Chandran sekaligus meletakkannya di tempat kedua. Siti Ainun Nazirah Harizan dari Universiti Teknologi MARA(UiTM) dan Nursyafiqah Abdul Rashid dari University Islam Antarabangsa Malaysia(UIAM) sekadar berpuas hati dengan pingat gangsa.



JAWATANKUASA MEDIA BULETIN & DOKUMENTASI



JAWATANKUASA ICT, PENGKALAN DATA & LAMAN WEB



FROM KAZAN TO MALAYSIA

By: Nasra Naturhana Ahmad Suhaimi & Yasmin Fairoz
Photo: Suzairi Hafizi


Anna Nikoláeva, 21, was one of the volunteer who works in close liaison with the Malaysian delegates for the 27th Summer Universiade in Kazan, Russia has arrived to experience Malaysian Institutions of Higher Learning Games (SUKIPT) 2014.

"This is the perfect time and good opportunity for me to visit Malaysia since I am currently studying in East China Normal University, Shanghai which the distance is nearer compared travelling all the way from Kazan" said Anna.

Sharing the experience, Anna admitted that volunteering is a great way for youth nowadays embrace the knowledge, having fun, gain exposure and it was a good way to learn dealing communication with peoples.

"I don't see much difference between volunteers here and Kazan as both events present the contribution from younger generation and I saw the same spirit within each of the volunteers here" said Anna.

She then urged all volunteers to 'Ver v sebya' (believe in yourself) since the task mainly involves in dealing with athlete or officials from various institutions, it is very vital the volunteers to have faith in their own capabilities and do their best to fulfill the task in hands.



	48	32	25
UiTM	48	32	25
UPM	38	28	30
UM	13	8	12
UniMAP	13	6	7
UTM	8	3	10
SUNWAY UNIVERSITY	7	6	4
UniSZA	6	7	5
USM	5	6	7
UTAR	5	0	0
UMS	4	6	9

PERSEMBAHAN PERKAMPUNGAN SUKAN SUKIPT 2014 (DATARAN MAWAR)

Tarikh	Masa	Perkara
14 Februari 2014	8:45 - 10:30 malam	Persembahan Band
15 Februari 2014	8:45 - 10:30 malam	Persembahan Band